



**SURUHANJAYA
KOPERASI
Malaysia**

e-Buletin **KOPERASI**

SINOPSIS

BIL 12/2025



MENGENALI PODCAST 'OH! GITU...'



Siaran Podcast ini diterbitkan melalui saluran Youtube, Facebook dan TikTok serta portal rasmi SKM



Inisiatif ini membolehkan orang awam dan anggota koperasi mendapatkan maklumat berkaitan isu koperasi dengan lebih cepat, mudah dan menyeluruh.



www.skm.gov.my




[SuruhanjayaKoperasiMalaysia](#)



[SuruhanjayaKoperasi](#)



[SuruhanjayaKoperasi](#)



Podcast “Oh! GITU...”


Tahun 2025 telah melabuhkan tirainya pada 20 November 2025. Saluran Podcast yang berformatkan perbincangan santai ini telah mula diterbitkan pada tahun 2024 dengan hanya menyiarkan 2 episod. Seiring dengan perkembangan semasa, penyiaran podcast pada tahun ini telah meningkat sebanyak 6 episod. Tujuan penerbitan podcast ini adalah untuk mempromosi dan memberi publisiti mengenai gerakan koperasi di negara ini kepada umum, khususnya mengenai manfaat dan keunikan berkoperasi. Ia juga bertujuan untuk memperkasa usaha menangani persepsi negatif masyarakat terhadap gerakan koperasi. Selain itu, perkongsian maklumat melalui pendekatan sembang santai berkait dengan gerakan koperasi di negara ini dengan mewacanakan mengenai perkembangan terkini, aktiviti, kemajuan dan kisah-kisah kejayaan koperasi turut disaji untuk tatapan umum. Siri Podcast ini juga berperanan dalam mempertingkatkan visibiliti serta mengukuhkan lagi imej Suruhanjaya agar lebih dikenali sebagai suatu badan khusus yang bertanggungjawab mengawal selia serta membangunkan gerakan koperasi di Malaysia.



Host Podcast 'OH! GITU...' 2025



Team Belakang Tabir



Podcast “Oh! GITU...”

Pelaksanaan podcast pada tahun 2025 ini merangkumi enam episod, dengan tiga episod menampilkan temubual bersama koperasi berjaya dari peringkat mikro hingga kluster besar, manakala tiga episod lagi memberi fokus kepada perkhidmatan SKM dan hala tuju gerakan koperasi.

EPISOD 1



TAJUK: ISU HARTANAH GERAKAN KOPERASI
TETAMU JEMPUTAN :
ENCIK AIZAC ISMAIL
(PENGURUSI KOPERASI ANNADI BERHAD)

EPISOD 2



TAJUK: SKANDAL, SIAPA MAKAN DUIT KOPERASI?
TETAMU JEMPUTAN :
ENCIK MUHAMMAD RIDZWAN BIN MOHD TOHA
(BAHAGIAN PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN)

EPISOD 3



**TAJUK: TMP SKM DAH MOHON,
KENAPA SUSAH NAK LULUS?**
TETAMU JEMPUTAN :
PUAN ROSHIDAH BINTI ABU BAKAR
(PENGARAH BPKK)

EPISOD 4



**TAJUK: DARI KOPERASI KAMPUNG KE INSTITUSI
DENGAN ASET RM7.7 BILLION!!**
TETAMU JEMPUTAN :
DATUK BAHAROM BIN EMBI
(PENGURUSI CBP)

EPISOD 5



**TAJUK: KPFB DARI KOPERASI TOP 100
KEPADA KOPERASI PREMIER**
TETAMU JEMPUTAN :
DATO' HAJI SABARI BIN MISRAN (PENGURUSI KOPERASI)
ENCIK SHAHRAN BIN YUNUS (KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF)

EPISOD 6



TAJUK: TEMUBUAL KHAS BERSAMA PENGURUSI SKM
TETAMU JEMPUTAN :
YBHG. LEFTENAN JENERAL DATUK AHMAD NORIHAN BIN JALAL (B)
(PENGURUSI SKM)

Podcast "Oh! GITU..."


Siaran Podcast ini diterbitkan melalui platform media sosial rasmi SKM di saluran *Youtube*, *Facebook* serta portal rasmi SKM (www.skm.gov.my). Inisiatif ini membolehkan orang awam dan anggota koperasi mendapatkan maklumat berkaitan isu koperasi dengan lebih cepat, mudah dan menyeluruh. Diharap agar penyiaran podcast ini dapat memberikan impak yang positif kepada gerakan koperasi dan masyarakat. Pun begitu, beberapa aspek siri podcast ini boleh diperkukuhkan lagi pada masa hadapan. Antaranya, podcast ini berpotensi dalam memperluaskan lagi topik perbincangan seputar isu-isu kontemporari serta inovasi teknologi digital yang terkini bagi meningkatkan nilai dan capaian podcast ini.




SuruhanjayaKoperasi




SuruhanjayaKoperasi




SuruhanjayaKoperasi



SuruhanjayaKoperasiMalaysia



www.skm.gov.my





Podcast "Oh! GITU" menjadi medium penting dalam memperkukuh literasi koperasi di Malaysia. Dengan pendekatan santai dan berinformasi, ia mampu menarik minat pelbagai lapisan masyarakat untuk lebih memahami dunia koperasi. Diharapkan program ini dapat diteruskan dengan lebih banyak episod menarik, seterusnya mencapai lebih ramai pendengar, khususnya komuniti koperasi dan masyarakat umum.

